

# PROJEK KILANG PADI

## PERANAN DAN MASALAH

### KAJIAN KES DI PERTUBUHAN PELADANG KANGKONG

### PASIR MAS, KELANTAN

Oleh:

1. NURAL ASHIKIN BT HAMZAH ( 92720335 )
2. SURYANI BT ISMAIL ( 92720900 )
3. ZAINUL ADNAN B MOHD RAFEK ( 92719379 )

*Kertas Projek Yang Dikemuka Kepada  
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang  
Institut Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk  
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam*

November 1996

## **SEKAPUR SIREH**

Segala puji bagi Allah di atas taufik dan hidayahnya dapatlah kami menyiapkan kertas projek ini dengan jayanya.

Kami telah memilih tajuk projek ini iaitu :-

### **PROJEK KILANG PADI PERANAN DAN MASALAH KAJIAN KES DI PERTUBUHAN PELADANG KANGKONG**

Kertas projek ini dibuat adalah bertujuan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan Diploma di dalam bidang Pentadbiran Awam.

Kami telah diberi tempoh selama 2 semester untuk menyiapkan kertas projek ini. Untuk memenuhi tujuan ini, kami telah membahagikan tugas kumpulan kami supaya projek dapat disiapkan dalam jangkamasa yang telah ditetapkan.

Dalam menyiapkan kertas projek ini, kami telah dapat menambah lagi ilmu pengetahuan, di samping melatih diri kami untuk menggunakan sebaik mungkin ilmu yang diperolehi bagi kerjaya kami di kemudian hari.

Segala kekurangan di dalam kertas projek ini adalah kelemahan kami dan segala kelebihan datangnye dari Allah S.W.T jua.


## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi amat penyayang. Segala puji bagi Allah yang maha mengetahui lagi bijaksana.

Sepanjang tempoh penyiapan kertas projek ini, kami telah menghadapi berbagai masalah dan cabaran tetapi syukur Alhamdulillah dapat jua kami menyiapkannya dengan bantuan yang diberikan oleh mereka yang terlibat secara langsung di dalam menyediakan kertas projek ini. Kami dengan sukacitanya merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Mohd. Nor Shapiin, Pensyarah Institut Teknologi Mara Cawangan Kelantan selaku Ketua Penyelaras Kertas Projek kami . Beliau telah memberikan sepenuh tunjuk ajar dan bimbingan serta nasihat dalam menyedia dan menyiapkan kertas projek ini.

Ucapan terima kasih juga kami rakamkan kepada penama-penama berikut yang telah menyumbang tenaga, nasihat dan kerjasama untuk menjayakan kertas projek ini.

1. Encik Mohd Yusoff B Ramli  
Koordinator  
Pusat Pendidikan Luar  
ITM Cawangan Kelantan  
Machang, Kelantan.

- 
2. Encik Saadon B Che Yahya  
Pengurus Besar  
Pertubuhan Peladang Kangkong  
Pasir Mas, Kelantan.
  
  3. Encik Rameli B Ahmad  
Pengurus Projek Kilang Padi  
Pertubuhan Peladang Kangkong  
Pasir Mas , Kelantan.
  
  4. En. Abdul Mubin Abdul Razak  
Bekas Pengurus Besar  
Pertubuhan Peladang Kangkong  
Pasir Mas, Kelantan.

Juga buat petani-petani di kawasan Kangkong dan kawasan berhampiran, kedua ibubapa, isteri serta anak-anak dan teman setia di atas pengorbanan, semangat dan dorongan yang telah dicurahkan kepada kami. Jasa mereka akan dikenang sepanjang hayat.

Akhir sekali terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami, Kamarudin, Sazali, Zaki, Nik Azhan, Faezah, Rozita, dan Norina yang mana bersama-sama bertungkus lumus dengan memberikan nasihat tanpa mengira waktu, tempat dan kepentingan diri dalam menyediakan dan menyiapkan kertas projek ini.

# PENGENALAN

## BAB 1

### 1.1. PROJEK KILANG PADI (PKP)

Pertubuhan Peladang Kawasan diwujudkan di setiap daerah di Negeri Kelantan. Suatu Pertubuhan Peladang Kawasan dibentuk di setiap kawasan dimana-mana negeri tidak kurang daripada 50 orang yang memenuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan. Suatu pertubuhan peladang boleh dibentuk dengan tujuan untuk memajukan kepentingan ekonomi dan sosial atau kebajikan ahli-ahli atau unit-unit ahlinya melalui penyertaan terus dan hendaknya mempunyai kuasa bagi membuat segala perkara yang perlu bagi maksud mencapai tujuan-tujuan itu. Pertubuhan Peladang Kangkong merupakan sebuah pertubuhan Peladang yang berjaya dalam senarai Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri. Salah satu aktiviti utama Pertubuhan Peladang Kawasan Kangkong ialah menjalankan Projek Kilang Padi.

Projek Kilang Padi Pertubuhan Peladang Kangkong terletak di Daerah Lemal di Pasir Mas. Peristiwa yang mengerakkan Pertubuhan Peladang Kangkong untuk memajukan Kilang Padi tersebut adalah kerana dalam mesyuarat bulanan Lembaga Pengarah setiap kali perkara mengenai kilang padi tersebut dibangkitkan tentang untung rugi. Apabila berlaku kerugian pihak Pengurus Kilang padi akan dipersalahkan. Laporan yang diberikan oleh Pengerusi Kilang Padi menunjukkan kerugian sebanyak RM 151,651 dalam jangkamasa 3 tahun lepas. Oleh itu Lembaga Pengarah seterusnya mengarah Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kangkong membaikpulih Projek Kilang Padi tersebut. Projek Kilang Padi tersebut memberikan kepentingan kepada para petani di sekitar untuk memasarkan padi mereka dan mendapatkan beras untuk keperluan harian mereka.